

29/06/1998

Muzium PDRM guna teknologi moden

Junita Mat Rasid

MUZIUM sering digambarkan sebagai tempat yang menghimpunkan pelbagai gambar, barangan lama dan khazanah sejarah. Bagaimanapun tidak dapat dinafikan muzium juga berupaya menyingkap fungsi serta menaikkan imej golongan tertentu.

Menyedari itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil langkah positif mewujudkan muzium baru menggunakan teknologi moden untuk menyimpan pelbagai bukti sejarah penubuhan dan kejayaannya sehingga kini.

Muzium baru yang terletak di Jalan Perdana dan berhampiran beberapa tempat menarik kunjungan orang ramai seperti Masjid Negara, Taman Burung, Taman Rama-Rama dan Taman Tasik Perdana itu dijangka dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, 7 Ogos ini.

Secara amnya muzium berkenaan cuba menggambarkan kepada masyarakat mengenai PDRM itu sendiri sebagai agensi utama penguatkuasa undang-undang.

Teknologi multimedia adalah antara pendekatan pihak muzium untuk memberikan maklumat sejarah PDRM yang secara tidak langsung boleh menaikkan imej polis dan menarik pengunjung.

Muzium PDRM itu menggunakan konsep aliran penubuhan pasukan berkenaan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan melalui beberapa era penjajahan sehingga negara mencapai kemerdekaan.

Secara rasmi penubuhan PDRM bermula dengan termeterainya Charter of Justice pada 25 Mac 1807 apabila Pasukan Polis Pulau Pinang ditubuhkan dan diikuti penubuhan pasukan polis di seluruh negara.

Pasukan polis ketika itu dikenali sebagai Pasukan Polis Persekutuan, kemudian dikenali sebagai Polis Diraja Persekutuan. Apabila terbentuknya Malaysia pada 16 September 1963, ia ditukar kepada Polis Diraja Malaysia sehingga ke hari ini.

Bagaimanapun, ramai yang tidak sedar, fungsi yang hampir sama dengan PDRM hari ini sebenarnya sudah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka apabila jawatan Temenggong bertindak sebagai Ketua Polis dan menjaga keamanan dalam negeri.

Pengunjung Muzium Polis hanya perlu berjalan di ruang yang disediakan untuk turut menyelami sendiri sejarah PDRM bermula zaman Kesultanan Melayu Melaka, penjajahan, Perang Dunia Ke-2 sehingga merdeka. Setiap era diciptakan dengan penggunaan audio visual yang menarik untuk menceritakan cabaran yang dihadapi pasukan polis.

Bagi peminat sejarah, kewujudan Muzium Polis boleh mengimbau kembali sumbangan yang ditaburkan anggota polis pada masa lalu berdasarkan lebih 2,000 artifak di muzium itu.

Berjalan di setiap sudut yang dipenuhi berbagai artifak sejarah secara tidak langsung membawa pengunjung menyelami sendiri pahit manis pasukan polis sehingga negara mencapai keamanan.

Selain itu, Muzium Polis juga menempatkan Tugu Memorial Polis sebagai simbol penghormatan kepada perwira negara yang gugur semenjak cabaran darurat 1948. Nama anggota polis yang terkorban itu akan dicatat di tugu berkenaan untuk mengenang jasa dan khidmat mereka dalam PDRM.

Kewujudan tugu itu secara tidak langsung melambangkan sanjungan kepada semangat keberanian dan maruah PDRM.

Muzium baru di kawasan seluas 1.2 hektar itu menyediakan pelbagai galeri, termasuk pemuliharaan, pameran dan arkeologi yang mengandungi bahagian sejarah, kebudayaan serta kesenian. Kemudahan lain yang turut disediakan ialah kantin dan bilik cenderamata. Ia dibuka secara percuma

kepada orang ramai.

Kawasan itu pada mulanya adalah mes Pegawai Kanan Polis Persekutuan sebelum ditukar kepada Muzium Polis baru. Upacara pecah tanah dirasmikan Ketua Polis Negara ketika itu, Tun Hanif Omar pada 23 Oktober 1993 lalu.

Kata orang, jika kita tidak berbangga dengan sejarah silam, maka kita tidak berbangga dengan sejarah masa kini dan akan datang. Berdasarkan kata-kata itulah, PDRM berusaha menubuhkan muzium baru berkenaan, dengan matlamat memberi kefahaman mengenai sejarah kepolisian kepada pegawai polis yang masih berkhidmat atau bersara, keluarga mereka dan rakyat.

Muzium itu juga diharap dapat mengeratkan hubungan di antara polis dan masyarakat, selain menyelamatkan bangunan lama yang penuh bersejarah itu. Struktur bangunan berbentuk anak panah yang mempunyai 72 bilik itu pernah didiami Penolong Pesuruhjaya Polis L M Wynne. Beliau adalah pegawai pertama yang tinggal di situ.

Ketika Perang Dunia Ke-2, bangunan itu dijadikan markas kerahan tenaga pegawai Sukarelawan Simpanan Negeri Melayu (Malay States Volunteer Reserve). Asalnya ia diwartakan sebagai mes pegawai pada 1914 dan kemudian diubah suai menjadi tempat tinggal pegawai bujang Malayan Civil Service (MCS).

Kurator Muzium PDRM, Deputy Superintendan Halal Ismail, berkata menerusi muzium itu, PDRM menggunakan pendekatan baru untuk menaikkan imej serta memperkenalkan agensi itu kepada orang ramai.

Menurutnya, Muzium Polis bukan hanya berfungsi sebagai premis artifak atau dokumen tetapi berkembang seiring perkembangan PDRM sendiri.

Antara matlamat utama penubuhan muzium baru itu ialah:

- * Menyebarkan maklumat mengenai kepolisian secara langsung kepada pengunjung luar dan dalam negara;

- * Membantu mengembangkan industri pelancongan negara; dan

- * Menjadi institusi pendidikan secara tidak rasmi.

Halal berkata, pameran di muzium ini bukan saja dapat memberi pengetahuan mengenai polis dan sejarahnya kepada masyarakat umum, tetapi adalah pameran kerjaya dalam usaha memberi gambaran jelas mengenai cara dan kelebihan perkhidmatan polis.

Menurutnya, konsep muzium baru itu dibuat mengikut perkembangan teknologi terkini dan secara tidak langsung boleh menarik minat orang ramai.

"Selain itu, penggunaan kombinasi teknologi multimedia itu boleh menjimatkan ruang kerana muzium polis memiliki bahan pameran yang banyak."

"Cara itu juga memudahkan pengunjung memahami dan mendapatkan maklumat tepat dan pantas serta menarik lebih ramai pengunjung," katanya.

Menurutnya, sasaran utama ialah remaja yang boleh melawat muzium itu bersama keluarga.

"Mengikut kajian pihak muzium, remaja dan pelajar sekolah adalah antara golongan paling ramai yang gemar mengunjungi muzium," katanya.

Halal berkata, muzium juga boleh dijadikan tempat untuk orang ramai mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan polis dan menarik mereka untuk turut menyertainya.

Sejarah penubuhan Muzium PDRM sebenarnya bermula sejak 1950-an lagi tetapi secara rasminya muzium itu diisytiharkan pembukaannya pada 9 Januari 1961 oleh Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.

Pada awalnya ia ditempatkan di sebuah bangunan kayu di tapak seluas 291.7 meter persegi di kawasan Pusat Latihan Polis (Pulapol), Jalan Semarak dan terus berkembang menjalankan kegiatannya sehingga kini. Selain itu beberapa perubahan dijalankan selaras dengan perkembangan pesat dalam PDRM.

Pada awal penubuhannya, Muzium PDRM berperanan mengajar pelatih dan

anggota polis tetapi selepas mengalami proses pengubahsuaian, ia turut menggariskan strategi tertentu untuk mencapai kecemerlangan imej polis, antaranya mengekalkan tradisi sejarah pasukan polis, mengenang kembali pengorbanan dan kejayaan anggotanya kepada negara pada masa aman atau darurat.

Selain itu, muzium polis juga berfungsi untuk memberi kefahaman dan mengeratkan hubungan baik di antara polis dan orang awam serta menanam semangat megah dan cintakan pasukan kepada anggota polis.

Muzium polis dikendalikan selaras dengan perkembangan muzium lain di negara ini dengan memungut, mengkaji, menyimpan barang lama dan semasa bertujuan untuk penyelidikan sejarah serta perkembangan polis.

Antara koleksi di muzium itu ialah pelbagai jenis senjata lama, barangan kes jenayah seperti gambar, senjata yang digunakan kongsi gelap, peta dan rajah waktu darurat 1948.

Muzium itu juga mempunyai beribu-ribu gambar peristiwa bersejarah polis dulu dan sekarang, model bangunan polis dan kelengkapan di balai polis.

(END)